

PM nasihat Ku Li jangan jadi hipokrit

Oleh Dzulkfley Zanudin

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46), Tengku Razaleigh Hamzah, supaya jangan jadi hipokrit ketika bercakap mengenai pembangunan dan pengambilan semula tanah.

Menurut Perdana Menteri, ketika menjadi Menteri Kewangan dahulu, Tengku Razaleigh pernah menentukan pengambilan tanah mesti dibayar mengikut harga pasaran walaupun ia Tanah Simpanan Melayu.

Beliau berkata, keputusan bekas Menteri Kewangan itu menyebabkan kerajaan membayar harga yang cukup mahal untuk mengambil alih tanah milik Tengku Razaleigh di Kota Bharu, Kelantan, bagi pembangunan.

"Mengapa pada waktu itu dia tidak bantah tin-

dakan kerajaan mengambil tanahnya untuk pembangunan Kota Bharu tetapi sekarang membantah pula pengambilan tanah bagi tujuan pembangunan," katanya kepada pemberita merasmikan Kompleks Perdanasiswa di Universiti Malaya, di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN), mengulas kenyataan Tengku Razaleigh baru-baru ini, kononnya Kerajaan BN menggunakan pembangunan sebagai alasan untuk mengambil alih tanah rakyat.

Tengku Razaleigh mendakwa pembangunan seolah-olah perkataan ajaib, menyebabkan rakyat tidak berhak membantah keputusan kerajaan mengambil alih tanah mereka. Menurut Perdana Menteri, Tengku Razaleigh berani membuat kenyataan itu kera-

na tahu bahawa parti yang diterajunya tidak mungkin dapat menubuhkan kerajaan dan dengan itu tidak payah mengambil tanah rakyat untuk tujuan pembangunan.

"Ketika dalam kerajaan dia sokong (ambil alih tanah rakyat untuk pembangunan) tetapi apabila berada di luar kerajaan dia kata tidak payah ada pembangunan," katanya.

Beliau berkata, S46 hendaklah memberitahu demikian dalam kempen pilihan raya umum akan datang supaya mudah bagi rakyat memilih sama ada BN yang menjanjikan pembangunan berterusan atau parti pembangkang tidak sukakan pembangunan.

"Saya mencabar Tengku Razaleigh memberitahu rakyat bahawa parti itu tidak akan membina jalan atau kemudahan lain jika dapat menubuh-

kan kerajaan. Kalau tidak berani bercakap, berhentilah daripada bercakap perkara karut," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, pembangunan di kawasan hutan simpanan kekal negara perlu dikawal.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini beliau belum menerima laporan mengenai kegiatan sesetengah kerajaan negeri di Semenanjung mewartakan semula kawasan hutan simpanan kekal.

"Kita tidak boleh kata semua (tanah) negara kita menjadi kawasan hutan simpanan kekal. Kalau tidak kita duduk dalam hutan. Suka atau tidak, penduduk Malaysia bertambah.

"Dulu kita cuma ada tiga juta orang, sekarang 19 juta. Jadi tempat penginapan perlu dibuka, tempat berniaga kena buka, kita kena membangun negara kita. Sama

ada diwartakan semula sebagai kawasan hutan simpanan kekal atau beri tanah untuk pembangunan, kita perlu tentukan.

"Tetapi kalau ada kawasan hutan simpanan kekal tiba-tiba kita wartakan semula, itu lain kira. Saya pun tidak tahu sama ada ia benar atau tidak," katanya.

Mengenai laporan pengurusan Yayasan Sabah tidak teratur dan terurus menyebabkan banyak kerugian, termasuk jualan balak sehingga RM53 juta ketika Sabah dalam pemerintahan Parti Bersatu Sabah (PBS), Dr Mahathir berkata kerajaan mengkaji dengan mendalam perkara itu.

"Sebab itu kita lantik satu badan swasta siasat untuk mengkaji perjalanan Yayasan Sabah sejak ditubuhkan supaya kita boleh menentukan ia tidak menyeleweng," katanya.